AKITEK INDAHREKA (M) SDN BHD

lwn.

TAMAN SEA VIEW SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
NIK HASHIM H
[GUAMAN SIVIL NO: 104-1985]
29 DISEMBER 2001

PROSEDUR SIVIL: *Pindaan - Penghakiman - Permohonan untuk perintah tambahan - Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk membenarkan perintah tambahan - Aturan 45 k. 6(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Pertimbangan tentang kesan meminda kepada penghakiman yang telah direkodkan - Kaedah "slip rule" - Sama ada terpakai - Sama ada permohonan wajar dibenarkan*

Kes ini merupakan permohonan plaintif untuk mendapatkan satu perintah tambahan supaya defendan membayar kepada plaintif atau Kumpulan Perunding wang sebanyak RM80,000 dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah atas alasan bahawa perlaksanaan penghakiman persetujuan bertarikh 9 November 1993 oleh defendan tidak boleh dikuatkuasakan kerana defendan telah menjual tanah yang disebut dalam penghakiman persetujuan.

Diputuskan:

[1] Mahkamah sememangnya mempunyai kuasa di bawah bidangkuasa sedia ada yang tidak terhad, dan di bawah A. 45 k. 6 (1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 serta dibawah ungkapan "kebebasan untuk memohon" bagi membenarkan permohonan plaintif. Akan tetapi, di dalam kes sekarang, permohonan plaintif tidak wajar dipertimbangkan kerana sekiranya ia dibenarkan, ia akan membawa kesan meminda kepada penghakiman yang telah pun dipersetujui oleh pihak pihak yang terbabit. (pp 533 h-i & 534 a)

[2] Sesuatu penghakiman yang telah direkod, dicatat dan seterusnya dimeteraikan tidak boleh lagi diubah atau dipinda melainkan dibawah "slip rule" sejauh mana ia perlu untuk membetulkan hasrat sebenar mahkamah. (p 534 a-b)

[3] Kesimpulannya, tidak terdapat sebab yang munasabah mengapa penghakiman persetujuan yang sedia ada patut diusik dan perlu kepada sesuatu perintah tambahan yang lain untuk memberi kesan kepadanya yang mana sudah memadai dari segi keberkesanannya. (p 534 c-d)

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:
Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid [1981] 1 MLJ 143 ***(diikuti)***
Sungei Biak Tin Mines Ltd v. Saw Choo Theng & Anor (No 2) [1970] 2 MLJ 226 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 45 r. 6(1)

Bagi pihak plaintiff - Ong Siew Wan; T/n Andrew-David Wong & Ong
Bagi pihak defendan - Mohd Badrol Mohd Taib; T/n Abdullah, Abd Rahman & Co

Dilaporkan oleh Raja Vishnu Sivarajah

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:
Plaintif melalui saman dalam kamar (SDK) lampiran 161 yang disokong dengan affidavit Wee Eng Hiang @ Wee Beng Tek Maurice (lampiran 161A) memohon untuk mendapatkan satu perintah supaya defendan membayar kepada plaintif atau kumpulan perunding sejumlah wang sebanyak RM80,000 dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah. Alasan permohonan ialah:

(1) Perlaksanaan perintah bertarikh 9 November 1993 oleh defendan tidak boleh dikuatkuasakan.

(2) Tingkah laku defendan menyebabkan perlaksanaan perintah tersebut mustahil.

Sebelum permohonan ini, plaintif telah memfailkan guaman terhadap defendan di mana plaintif menuntut fee profesional yang terhutang dan tertunggak oleh defendan kepada plaintif berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan oleh plaintif kepada defendan.

Suatu penghakiman persetujuan telah kemudiannya dimasukkan di hadapan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu Dato' Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim (beliau sekarang ini Hakim Besar Malaya) di antara plaintif dan defendan sebagaimana perintah bertarikh 9 November 1993 yang antara lain berbunyi:

> ... DENGAN PERSETUJUAN
>
> ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Defendan dikehendaki membayar kepada plaintif wang sejumlah ringgit lapan puluh ribu (RM80,000) sebagai penyelesaian sepenuhnya.
>
> DAN ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa wang penghakiman sebanyak RM80,000.00 tersebut akan dijelaskan dalam tempoh dua puluh empat (24)

bulan dan bayaran pertama hendaklah dimulai apabila Defendan memulakan kerja-kerja pembinaan di atas projek perumahannya di lot 1709 Mukim Chendering (tanah tersebut)

DAN JUGA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa kesemua wang penghakiman sebanyak RM80,000.00 tersebut hendaklah dibayar terus kepada Kumpulan Perunding di mana penerimaan wang tersebut oleh Kumpulan Perunding adalah dianggap sebagai penerimaan sah oleh plaintif

DAN ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Defendan menarik balik tuntutannya terhadap Pihak Ketiga

DAN JUGA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa pihak ketiga menarik balik tuntutannya terhadap Pihak Keempat.

DAN AKHIRNYA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa tidak ada perintah bagi kos.

Bertarikh pada 9hb November 1993.

t.t.
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Terengganu

Permohonan ini adalah untuk memohon kepada mahkamah ini supaya menguatkuasakan penghakiman persetujuan tersebut dan menetapkan jangka masa kepada defendan supaya membayar wang sejumlah RM80,000 tersebut kepada plaintif, memandangkan defendan telah menjual tanah tersebut mengakibatkan perlaksanaan obligasi oleh defendan di bawah penghakiman persetujuan menjadi mustahil. Peguamcara plaintif yang berilmu telah berhujah bahawa mahkamah ini mempunyai kuasa di bawah bidangkuasa sedia ada yang tidak terhad, dan di bawah A 45 k. 6(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT) serta di bawah ungkapan 'kebebasan untuk memohon' bagi membenarkan permohonan ini untuk memberi kesan kepada penghakiman persetujuan itu.

Manakala peguamcara defendan yang berilmu membantah permohonan ini atas alasan bahawa sekiranya permohonan ini dibenarkan maka ia membawa kepada kesan meminda kepada penghakiman yang telah direkodkan dan ini tidak dibenarkan kerana mahkamah terdahulu telah pun *functus officio*.

Dengan hormatnya, saya bersetuju dengan peguamcana defendan. Permohonan ini sekiranya dibenarkan sebagaimana dipohon akan meminda dengan ketara terma-terma penghakiman persetujuan yang telah selesai direkodkan. Plaintif memohon supaya "Defendan hendaklah membayar kepada plaintif atau kumpulan perunding sejumlah wang RM80,000 dalam tempoh tujuh hari dari

perintah ini", walhal di dalam penghakiman persetujuan dengan jelas telah dipersetujui bahawa kesemua RM80,000 hendaklah dibayar terus kepada Kumpulan Perunding dan bukan kepada plaintif. Suatu perkara lagi ialah mengenai tempoh masa bayaran. Tempoh bayaran RM80,000 telahpun ditetapkan supaya ia dijelaskan dalam tempoh 24 bulan dan bayaran pertama hendaklah dimulai apabila defendan memulakan kerja-kerja pembinaan di atas tanah tersebut.

Pada hemat saya, bayaran pertama tidak timbul lagi sekiranya tanah telah dijual. Penggunaan perkataan 'dan' dalam ayat:

> "... (24) bulan dan bayaran pertama ..." menunjukkan bahawa obligasi untuk membuat bayaran RM80,000 dalam tempoh 24 bulan tidak lagi terikat dan bergantung dengan kerja-kerja pembinaan dimulakan oleh defendan sekiranya tanah tersebut tidak ada dan telah dijual oleh defendan kerana obligasi bayaran RM80,000 dalam tempoh 24 bulan itu telah pun dipersetujui dan ditetapkan dahulu daripada cara membuat bayaran. Dalam lain perkataan, terma penghakiman persetujuan selepas perkataan "dan" itu telah memberi defendan cara membuat bayaran dalam tempoh 24 bulan. Dalam fikiran saya, penjualan tanah oleh defendan tidak sedikit pun mengakibatkan obligasi defendan untuk membuat bayaran RM80,000 sebagai penyelesaian sepenuhnya dalam penghakiman persetujuan, terjejas dan menjadi mustahil, kerana defendanlah yang merupakan pihak yang tidak mahu memulakan projek. Pada pandangan saya, penghakiman persetujuan sebagaimana yang ada sudah pun berkesan dan boleh dikuatkuasakan. Penjualan tanah oleh defendan tidak melumpuhkan penghakiman persetujuan.

Dalam kes in terma-terma penghakiman persetujuan adalah tepat dan tidak meragukan dan dengan itu, ia tidak perlu kepada apa-apa perintah tambahan lagi untuk memberi kesan kepadanya. Apa yang perlu bagi plaintif buat sekarang ialah menguatkuasakan sahaja penghakiman persetujuan tersebut. Lagi pun, peguamcara defendan dalam hujahnya telah mengaku bahawa perintah tambahan tidak perlu untuk memberi kesan kepada penghakiman persetujuan yang mana bayaran RM80,000 telah pun ditetapkan bayar dalam masa 24 bulan dan bayaran pertama tidak timbul sekiranya tanah tersebut telah dijual sekalipun.

Memang benar mahkamah ini berkuasa untuk membuat perintah seperti dihujahkan oleh plaintif, iaitu, mahkamah ini berkuasa di bawah bidangkuasa sedia ada yang tidak terhad, dan di bawah A. 45 k. 6(1) KKMT serta di bawah ungkapan 'kebebasan untuk memohon' (*Sungei Biak Tin Mines Ltd v. Saw Choo Theng & Anor (No 2)* [1970] 2 MLJ 226 FC) bagi membenarkan permohonan plaintif untuk memberi kesan kepada penghakiman persetujuan

tersebut. Akan tetapi dalam kes sekarang, permohonan plaintif tidak bertetapan dan wajar dipertimbangkan kerana sekiranya ia dibenankan ia akan membawa kesan meminda kepada penghakiman yang telah pun dipersetujui oleh pihak-pihak yang terbabit. Harus diingat, sesuatu penghakiman yang telah direkod, dicatat dan seterusnya dimeteraikan tidak boleh lagi diubah atau dipinda melainkan di bawah 'slip rule' sejauh mana ia perlu untuk membetulkan hasrat sebenar mahkamah, kecuali ia merupakan suatu penghakiman ingkar atau penghakiman yang dibuat tanpa kehadiran satu pihak dalam masa perbicaraan. Ini kerana mahkamah telah *functus officio* dan tidak mempunyai bidang kuasa untuk meminda atau mengubah sesuatu penghakiman yang telah direkodkan (Sila lihat *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid* [1981] 1 MLJ 143 FC).

Jadi, dalam permohonan ini, saya dapati tidak ada sebarang sebab yang munasabah mengapa penghakiman persetujuan yang sedia ada, walau pun dengan ketiadaan tanah tersebut, patut diusik dan perlu kepada suatu perintah tambahan yang lain untuk memberi kesan kepadanya yang mana sudah pun memadai dari segi keberkesanannya.

Dalam penghakiman saya, pihak plaintif telah tersalah tanggap dalam tafsiran kandungan penghakiman persetujuan tersebut, dan oleh yang demikian, permohonan plaintif di lampiran 161 adalah dengan ini ditolak dengan kos.